

Agama dan Budaya Berpisah Tiada: Tinjauan terhadap Masyarakat Murut Tahol di Sabah

The Indivisible Nature of Religion and Culture: A Review on the Murut Tahol Community in Sabah

ABD HAKIM MOHAD & ROS AIZA MOHD MOKHTAR

ABSTRAK

*Agama dan budaya adalah dua elemen penting dalam kehidupan masyarakat Murut Tahol di Sabah. Walaupun zaman sentiasa berubah dan bersilih ganti, kedua-dua elemen ini masih kekal dan berjalan seiringan memperkukuh jati diri etnik ini. Apa yang menarik di sini ialah perubahan agama dan kepercayaan tidak menjadikan budaya mereka terpinggir atau ditinggalkan. Apakah rahsianya? Makalah ini akan membincangkan tentang keupayaan masyarakat Murut Tahol mengekalkan amalan budayanya walaupun pegangan agama mereka telah berubah daripada animisme kepada Kristian. Perbincangan ini adalah berdasarkan kepada kajian yang dilakukan dengan menggunakan pendekatan etnografi di Ulu Tomani, Daerah Kecil Kemabong, Tenom, Sabah. Hasil kajian menunjukkan bahawa masyarakat ini mempunyai kekuatan untuk membuat pilihan tentang apa yang perlu dilakukan untuk mengekalkan budaya tradisionalnya dalam kerangka kepercayaan yang baharu. Dengan lain perkataan mereka adalah agen kepada perubahan masyarakatnya sendiri atau disebut sebagai *localized social change*. Keupayaan inilah yang menjadikan masyarakat Murut Tahol masih dapat mengekalkan amalan budayanya seperti adat merisik (pamalaan), adat pertunangan (antamong), adat perkahwinan (ahuot), adat menghantar berian akhir (tinauh), dan adat mencuci benih padi (amparawak ra Vivit).*

Kata kunci: Agama; budaya; adat; Murut Tahol; Sabah

ABSTRACT

*Religion and culture are two important elements in the lives of the Murut Tahol community in Sabah. Even though times have changed, these two elements still endure and continue to strengthen the identity of this ethnic group. A point of interest would be that a change in religion and belief does not lead them to abandon or leave their culture. What then is the secret to this? This paper discusses the ability of the Murut Tahol community in maintaining their cultural practices even though they have shifted from holding on to animistic beliefs to Christianity. This discussion is based on a research conducted by using the ethnographic approach in Ulu Tomani, Kemabong District, Tenom, Sabah. The result of this study reveals that the community has the fortitude to decide on what needs to be done to ensure the sustainability of their traditional culture within their new framework of belief. In other words, they are the agents of change in their own community or their experience is identified as *localized social change*. It is this capacity to change which allows the Murut Tahol community to retain their cultural practices such as the merisik custom (pamalaan), engagement custom (antamong), marriage custom (ahuot), the custom of the final handing over of the outstanding dowry (tinauh) and the custom of cleansing the rice grains (amparawak ra Vivit).*

Keywords: Religion; culture; customs; Murut Tahol; Sabah

PENGENALAN

Agama dan budaya merupakan elemen penting dalam kehidupan manusia. Ia mencorakkan cara hidup yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat. Cara hidup itu pula diwariskan daripada satu generasi ke satu generasi, berkembang dan berakar umbi dalam masyarakat. Satu perkara yang perlu difahami di sini ialah agama dan budaya mempunyai hubungan yang sangat rapat dan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Justeru, kita dapat melihat dan merasai bahawa budaya yang diamalkan oleh

sesebuah masyarakat lazimnya selari dengan prinsip-prinsip agama yang menjadi asas kepada pemikiran dan kosmologi masyarakatnya. Oleh sebab itu, kebudayaan masyarakat tradisional yang berunsurkan roh dan semangat, dapat wujud dan berkembang subur dalam kerangka kepercayaan tradisional yang juga berasaskan atas prinsip yang sama. Namun, sekiranya terdapat perubahan pada agama yang menjadi tunjang kepada sesuatu budaya, maka budaya tersebut turut akan menerima kesannya.

Ungkapan “agama dan budaya berpisah tiada” dapat memberikan gambaran tentang peri pentingnya

kedua-dua elemen ini untuk bergerak seiringan agar kedua-duanya dapat diamalkan dalam suasana yang damai dan harmoni. Berdasarkan kajian yang dilakukan ke atas masyarakat Murut Tahol, ungkapan tersebut sesuai sekali ditujukan kepada mereka. Hal ini kerana, masyarakat ini berupaya membuat penyesuaian pada kebudayaan tradisonalnya, sesuai dengan perubahan yang berlaku pada pegangan agama masyarakatnya daripada animisme kepada Kristian. Pengalaman mereka dalam membuat penyesuaian pada budaya tradisinya agar dapat terus diamalkan dalam kerangka sistem kepercayaan yang baharu amat baik untuk diteliti.

PERUBAHAN SOSIAL

Sebelum kita membincangkan perubahan sosial yang berlaku terhadap masyarakat Murut Tahol, elok rasanya kalau ditinjau dahulu beberapa pandangan sarjana tentang topik perubahan sosial ini. Inkeles (1985) berpendapat bahawa perkara paling mencabar dalam kehidupan sosial ialah proses perubahan. Walaupun begitu ramai sarjana yang membuat kajian dan mengemukakan berbagai-bagai teori, namun belum ada satu teori tunggal yang dapat menjelaskan semua perubahan sosial yang berlaku. Justeru ahli sosiologi telah meninggalkan usaha untuk mencari suatu teori perubahan yang tunggal dan menyeluruh. Sebaliknya mereka menumpukan usaha untuk meneliti perubahan dengan lebih konkrit dan realistik.

Menurut Moore (1963) perubahan sosial bukanlah satu fenomena masyarakat moden tetapi sesuatu yang universal dalam pengalaman hidup manusia. Hal ini bermakna perubahan sosial adalah suatu yang pasti berlaku kepada sesebuah masyarakat. Bagi Gerth dan Mills (1964), perubahan sosial adalah sesuatu proses yang berlaku bersandarkan satu urutan masa terhadap peranan dan institusi sesuatu sistem sosial. Perubahan yang dimaksudkan boleh disifatkan sebagai ke arah kemunculan kemerosotan atau pun pertumbuhan sistem sosial berkenaan. Keadaan ini akan mengakibatkan perhubungan sosial dan tingkah laku di dalam masyarakat tersebut akan turut berubah. Justeru itu kelompok masyarakat harus bertindak dalam mengubahsuaikan cara mereka menjalankan aktiviti.

Inkeles (1985) menyatakan bahawa antara yang menjadi perhatian ahli sosiologi adalah tentang agen yang mewujudkan perubahan. Paul Porodong (1999, 2004), dalam membahaskan tentang perubahan sosial masyarakat Rungus di Sabah telah menyenaraikan

pemerintah, agama, dan masyarakat sekitarnya sebagai agen perubahan. Manakala Poline Bala (2009), yang mengkaji perubahan masyarakat Kelabit di Sarawak pula telah menumpukan pada masyarakat itu sendiri sebagai agen perubahan. Ini kerana perubahan yang berlaku adalah atas pilihan mereka sendiri. Dengan lain perkataan, masyarakat yang terlibat membuat keputusan sendiri sama ada untuk menerima atau menolak perubahan pada masyarakatnya.

Kajian Poline Bala (2009) dan rumusan kajiannya telah menarik minat penulis untuk melihat dengan lebih dekat tentang perubahan sosial masyarakat Murut Tahol. Menariknya, hasil kajian mendapati bahawa fenomena yang berlaku kepada masyarakat Kelabit di Sarawak turut berlaku kepada masyarakat Murut Tahol di Sabah. Di mana mereka sendiri yang memilih untuk berubah dan menentukan aspek perubahan tersebut. Oleh sebab itu, walaupun agama atau sistem kepercayaan yang menjadi teras dalam kehidupan sosial masyarakat Murut Tahol telah berubah, namun mereka masih dapat mengekalkan adat tradisi yang diwarisi turun temurun.

MASYARAKAT MURUT TAHOL

Murut Tahol adalah kelompok terbesar daripada 12 pecahan masyarakat Murut yang terdiri Murut Gana, Murut Keningau (Nabai), Murut Timugon, Murut Beaufort, Murut Bookan (Tangara), Murut Paluan, Murut Sumambu/Tagal, Murut Kolod (Okolod), Murut Selungai, Murut Sembakung, Murut Kalabakan dan Murut Serudung (Spitzack 1984:187-189). Selain Murut, masyarakat Sabah yang lain terdiri daripada masyarakat Kadazan-Dusun, Bajau, Iranun, Suluk, Bisaya, Kedayan, Tidong, Sungai, Melayu Brunei dan masyarakat bumiputra yang lain. Berbanding dengan keseluruhan penduduk Sabah, masyarakat Murut Tahol mewakili 0.03% sahaja, iaitu dianggarkan berjumlah 48,000 orang. Angka ini mewakili separuh daripada jumlah keseluruhan masyarakat Murut (Buletin Perangkaan Bulanan Sabah 2010:12).

Masyarakat ini berasal dari penempatan di Sungai Tahol yang terletak di Pensiangan sebelum berhijrah ke kawasan lain. Mereka sering memperkenalkan diri mereka sebagai *Ulun Tahol* yang bermaksud orang Tahol. Berdasarkan kepada tulisan-tulisan awal yang dibuat sekitar akhir 1800-an menunjukkan bahawa masyarakat Murut Tahol telah pun tinggal lembah sungai Padas pada masa itu (Harris 1990:39; Harrisson 1967:111).

Masyarakat ini mendiami kawasan tanah tinggi pedalaman Selatan Sabah yang meliputi kawasan Tomani, Rundum, Pensiangan, Tenom dan berkembang hingga ke Sapulut dan Pensiangan. Murut Keningau yang dipanggil Murut Nabai menduduki kawasan tanah rata Keningau, dan Murut Timugon menduduki kawasan tanah rata Tenom. Murut Bookan tinggal di kawasan lembah Sungai Dalit di sempadan Sook. Murut Kolod tinggal di kawasan Bole, Sipitang dan bahagian Utara Kalimantan. Murut Tenggara (Kinabatangan) mendiami kawasan Ulu Sungai Kinabatangan berkembang ke bahagian barat melintasi Ulu Sungai Kuamut (Rutter 1922:65-66).

Mereka tinggal di rumah panjang dan mengamalkan cara hidup yang ringkas berlandaskan adat dan budaya yang diwarisi turun temurun daripada nenek moyang. Perkampungan mereka terpencil dan jauh di pedalaman, sesuai dengan cara hidup mereka yang menjalankan aktiviti berhuma dan memburu bagi menghasilkan makanan (Tregonning 1965).

AGAMA DAN KEPERCAYAAN MASYARAKAT MURUT TAHOL TRADISIONAL

Masyarakat Murut Tahol berpegang kepada kepercayaan animisme. Bagi mereka alam semula jadi serta objek tertentu seperti pokok, batu, gong, tajau dan gigi mempunyai semangat serta kuasa luar biasa. Ianya boleh dilihat menerusi amalan adat, pantang larang dan mitos yang mereka warisi sejak turun-temurun (Temu bual Lokowon Antahai 2008).

Dalam dunia animisme mereka, Aki Kaulung merupakan sumber kuasa paling utama yang juga dikenali sebagai permulaan segala kejadian. Aki Kaulung dalam bahasa Murut Tahol bererti datuk, asal atau asas, manakala Kaulung bermaksud yang terbesar atau agung. Menurut kepercayaan mereka semua kejadian di dunia ini seperti tanah, laut, bukit-bukau, gunung-ganang, sungai, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan manusia adalah ciptaan Aki Kaulung. Manusia berperanan dalam mentadbir, mengurus dan membina kehidupan menggunakan sumber-sumber yang telah disediakan oleh Aki Kaulung.

Oleh sebab semangat mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan manusia, maka mereka perlulah mengambil kira aspek ini dalam mengatur kehidupan mereka. Cara hidup dan budaya yang diamalkan perlulah selari dengan kehendak semangat yang sentiasa bersama masyarakatnya agar mereka mendapat kesenangan dan kebahagiaan dalam

kehidupan dan selamat daripada sebarang bentuk bahaya dan bencana. Sekiranya kehidupan mereka selari dengan kehendak semangat maka pelbagai masalah seperti keuzuran, kekurangan makanan, serta bencana alam dapat dielakkan. Mereka percaya bahawa segala bentuk fenomena semula jadi seperti banjir, kemarau, bencana mempunyai kaitan dengan semangat.

Bagi mengelakkan perkara yang buruk berlaku, mereka perlulah mematuhi pantang larang dan adat tradisi yang diwarisi daripada nenek moyang. Dengan kata lain, mereka sentiasa mengharapkan belas kasihan daripada semangat yang mereka yakini mempunyai kuasa tertentu untuk memberikan kehidupan yang selamat kepada mereka. Hal ini menunjukkan bahawa mengikut kepercayaan mereka, alam semula jadi dan alam ghaib tidak boleh dipisahkan dan saling berinteraksi antara satu sama lain (Harris 1995:69-71).

Misalnya, masyarakat Murut Tahol percaya bahawa bumi juga mempunyai semangat yang tersendiri sebagaimana benda-benda lain seperti batu dan pokok. Ia dipanggil Inara Nu Tana, tinggal di lapisan bawah bumi. Ia mempunyai pengaruh yang kuat terhadap kehidupan di bumi. Justeru makhluk di bumi tidak boleh berbuat sesuka hati sehingga menimbulkan kemarahannya, kerana dikhuatiri akan menyebabkan kehidupan di bumi tidak aman dan tenteram. Selain itu, terdapat juga semangat baik yang banyak membantu manusia dalam menjalani kehidupan seharian seperti *aru'kauli* (semangat padi) yang membantu menyuburkan tanaman padi (Harris 1995:72-75).

Dengan perkataan yang mudah, semangat adalah aspek paling penting dalam sistem kepercayaan masyarakat Murut Tahol tradisional. Justeru, cara hidup mereka juga bersandarkan pada aspek ini termasuklah daripada segi amalan adat dan budaya masyarakatnya. Hal ini dapat dilihat dalam beberapa adat yang diamalkan seperti merisik (*pamalaan*), adat pertunangan (*antamong*), adat perkahwinan (*ahuot*), adat menghantar berian akhir (*tinauh*), dan adat mencuci benih padi (*amparawak ra Vivit*). Adat-adat ini mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan semangat. Unsur semangat itu boleh dilihat berada pada dua tempat iaitu sama ada terletak pada barangan yang dijadikan pemberian, atau pada aspek pemujaan dalam adat itu sendiri.

Manik yang dijadikan pemberian sebagai tanda merisik; *bungkas* (tali pinggang wanita) dan *tawak* (gong) yang dijadikan pemberian dalam upacara pertunangan; tajau dan *tawak* (gong) yang dijadikan

berian dalam perkahwinan dan *tinauh* (berian akhir), dipercayai mempunyai semangat yang dapat membantu mereka membina rumahtangga yang rukun, damai dan bahagia. Pada masa yang sama ia juga dapat membantu menyelamatkan mereka daripada sebarang bentuk bencana atau mala petaka. Bagi adat mencuci benih padi (*amparawak ra Vivit*) pula, unsur semangatnya terletak pada aspek pemujaan yang mereka lakukan bagi mendapat restu *aru' kauli* (semangat padi) agar padi yang ditanam dapat mengeluarkan hasil yang baik. Adat yang mereka amalkan ini adalah manifestasi kepercayaan mereka terhadap semangat.

Tidak dapat dinafikan bahawa agama dan kepercayaan meninggalkan kesan yang amat mendalam kepada adat dan budaya yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat. Hal ini kerana agama pada dasarnya merupakan kepercayaan terhadap keyakinan adanya kekuasaan ghaib, luar biasa atau supernatural yang berpengaruh terhadap kehidupan individu dan masyarakat, serta terhadap segala gejala alam. Kepercayaan sedemikian menimbulkan perilaku tertentu seperti berdoa, memuja dan lainnya, serta menimbulkan sikap mental tertentu seperti rasa takut, optimis, pasrah daripada individu dan masyarakat yang mempercayainya. Oleh yang demikian agama memberi warna dan bentuk kepada cara hidup, budaya dan amalan sesebuah masyarakat (Bustanuddin Agus 2007). Justeru agama yang berteraskan semangat akan mencorakkan cara hidup dan budaya yang berasaskan semangat juga.

ADAT DAN BUDAYA MURUT TAHOL TRADISIONAL

PAMALAN (Merisik)

Pamalaan (merisik) adalah langkah yang pertama sebelum seorang lelaki menyatakan hasratnya untuk mengahwini seorang perempuan. Ia merupakan satu proses di mana pihak lelaki bertanyakan kepada pihak perempuan tentang status anak gadisnya sama ada sudah mempunyai calon suami atau pun belum. Selain itu, proses ini juga bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada pihak perempuan sama ada mereka bersetuju untuk menerima pinangan pihak lelaki atau sebaliknya.

Mengikut adat masyarakat Murut Tahol, wakil pihak lelaki yang berkunjung ke rumah keluarga pihak perempuan hendaklah membawa dua jenis barang iaitu satu utas manik dan sehelai kain

sebagai tanda merisik. Pihak lelaki akan menyatakan tentang tujuan kedatangan mereka dan menyerahkan barangan yang dibawa. Selepas itu mereka akan terus pulang. Sekiranya pihak perempuan bersetuju untuk menerima lamaran pihak lelaki, maka mereka akan terus menyimpan barangan tersebut. Tetapi sekiranya mereka menolak, maka barangan tersebut akan dikembalikan kepada pihak lelaki dalam tempoh seminggu. Bagi pihak lelaki pula, sekiranya barangan yang mereka serahkan sebagai tanda merisik tidak dikembalikan dalam tempoh tersebut, ini bermakna pihak perempuan bersetuju untuk menerima pinangan dan mereka bolehlah menghantar rombongan untuk upacara bertunang (*antamong*).

UPACARA *ANTAMONG* (Pertunangan)

Mengikut adat Murut Tahol, pada hari pertunangan rombongan pihak lelaki yang terdiri daripada ibu bapa atau wakil pihak lelaki, ahli keluarga terdekat dan ketua kampung membawa barangan khusus sebagai tanda pertunangan. Barangan tersebut ialah dua utas manik, dua helai kain, dua utas *bungkas* (tali pinggang wanita) dan sebuah *tawak* (gong). Bilangan dua di sini adalah lambang dua jiwa yang ingin disatukan dalam sebuah rumah tangga. Rumah tangga yang bahagia dan selamat itu pula dilambangkan oleh gong.

Tujuan utama upacara pertunangan ini diadakan ialah untuk mengikat perjanjian bagi mendirikan rumah tangga. Ianya dimulakan dengan penyerahan barangan pertunangan oleh pihak lelaki kepada pihak perempuan. Dalam upacara ini kedua belah pihak lazimnya diwakili oleh ketua kampung masing-masing. Sekiranya mereka tinggal di kampung yang sama, maka mereka akan diwakili oleh keluarga terdekat sebelah bapa manakala ketua kampung berperanan sebagai saksi. Antara butiran yang dibincangkan ialah tentang tarikh perkahwinan serta *pulut* (berian) yang perlu dibawa oleh pihak lelaki (Harris 1990:49). Saksi utama dalam perbincangan ini ialah *ulun antung* (ketua kampung) daripada pihak perempuan

AHUOT (Upacara Perkahwinan)

Upacara perkahwinan masyarakat Murut Tahol lazimnya dilakukan secara besar-besaran bergantung kepada kesediaan pihak perempuan yang menjadi tuan rumah. Bagi mereka semakin ramai tetamu yang hadir adalah lebih baik, kerana tetamu yang

ramai membawa rezeki yang banyak. Oleh sebab itu, upacara perkahwinan yang diadakan biasanya berlangsung sehingga tujuh hari.

Pada hari perkahwinan, rombongan pengantin lelaki datang ke rumah pengantin perempuan dengan membawa *pulut* (berian) berupa tajau lama, gong, kain dan wang ringgit. Kemudian, rombongan pengantin yang datang dipersilakan duduk di ruang tamu yang terletak di bahagian tengah rumah panjang. Manakala pengantin perempuan dan pengantin lelaki yang berpakaian tradisional duduk bersebelahan di ruang tengah memulakan upacara perkahwinan.

Semua *pulut* (berian) yang dibawa oleh pihak lelaki di letakkan di tengah rumah untuk diteliti atau diperiksa oleh pihak perempuan. Apabila pihak perempuan mengesahkan dan menerima *pulut* (berian) yang dibawa, kedua pengantin akan dikehendaki untuk meminum tapai bersama-sama. Adat inilah yang menentukan pasangan tersebut menjadi suami isteri yang sah.

Selepas itu, ketua kampung akan memberikan nasihat seperti berikut kepada kedua pengantin;

“*Rino akau nahanduk noyo, montol ka aya am amanon huangan bal kayahan*”

Maksudnya,

“Sekarang kamu berdua sudah menjadi suami isteri, hiduplah dengan aman dan peliharalah adat”

Berdasarkan adat, *pulut* (berian) yang dijanjikan oleh pihak lelaki boleh dibayar secara berperingkat. Lazimnya pada hari perkahwinan, pihak lelaki hanya penyerahan sebahagiannya sahaja dan baki *pulut* (berian) akan terus dilakukan daripada masa ke semasa mengikut kemampuan pihak lelaki dan kesanggupan pihak perempuan sebagai tuan rumah. Namun demikian tidak semua penyerahan *pulut* (berian) perlu dilakukan dalam upacara khusus secara besar-besaran. Upacara penyerahan berian yang dibuat secara besar-besaran hanya dibuat sewaktu penyerahan bahagian yang akhir sahaja dalam satu upacara yang dipanggil *tinauh*. Berian yang lain boleh diserahkan tanpa pesta dan keramaian seperti semasa musim menebas dan semasa musim menuai.

TINAUH (Berian Akhir)

Lazimnya berian akhir dibuat secara besar-besaran serta dianggap sebagai upacara kemuncak dalam sesebuah perkahwinan. Upacara *tinauh* dimulai dengan melantik *angkaunan* (orang tengah) oleh

pihak lelaki bagi menyatakan kesediaannya untuk menyerahkan *pulut* yang terakhir. Lazimnya *angkaunan* merupakan orang yang banyak berjasa serta dihormati oleh masyarakatnya. Setelah hasrat tersebut diterima oleh pihak perempuan, mereka akan menyediakan *sinaging* (senarai baki berian) yang perlu diserahkan oleh pihak lelaki seperti tajau, gong, manik, *bungkas*, sumpit, dan kain.

Langkah seterusnya ialah perbincangan bagi menetapkan tarikh yang sesuai untuk mengadakan upacara *tinauh*. Lazimnya ia mengambil masa antara 30 hingga 60 hari daripada masa hal ini dibincangkan. Apabila kedua-dua belah pihak telah bersetuju dengan tarikh yang dipilih, maka pihak perempuan akan menyerahkan *tibuku* (kalendar daripada rotan) kepada pihak lelaki sebagai panduan.

Pada hari yang dijanjikan pihak lelaki dan rombongannya yang terdiri daripada keluarga terdekatnya akan datang membawa semua berian yang diminta. Sebaik sahaja mereka sampai, ketua rombongan yang dipanggil *apahalal* akan membelah *tuntuluk* (sebatang buluh yang diisi air) sebagai tanda kesediaan pihak lelaki untuk mempersembahkan berian yang dibawa sambil mengucapkan kata-kata yang melambangkan kehebatan dan kekuatan keluarga mereka.

Apahalal akan mengucapkan:

“kaala’ u sumakoi, ra tinau putu kain ku la’u ra kala rakayahan”

Maksudnya:

“Saya tidak takut datang ke rumah kau, dalam kehidupan ini saya tidak pernah kalah”

Selepas itu pasangan suami isteri yang diraikan itu duduk bersanding di *imbu-imbu* (tempat bersanding) yang diperbuat daripada kayu, di atas alas dengan alas duduk dan dihiasi dengan *inkun* (kayu yang diraut dan menghasilkan rupa seperti bunga tanjung). Selepas itu, semua ahli rombongan yang hadir dijamu dengan pelbagai jenis makanan. Antara makanan yang biasanya disediakan ialah nasi putih, sup daging (kerbau atau babi), sayur goreng, jeruk (ikan atau babi), kuih-muih, biskut dan lain-lain. Walaupun kehidupan mereka agak sederhana tetapi lazimnya tuan rumah akan menyediakan makanan dalam kuantiti yang banyak. Bagi masyarakat Murut Tahol makanan yang disediakan semasa upacara ini memberikan gambaran tentang kemakmuran dan kebahagiaan keluarga mereka. Selain itu, ia juga menunjukkan saiz jaringan kekeluargaan yang dimiliki oleh mereka. Hal ini kerana makanan

yang disediakan oleh tuan rumah adalah juga hasil sumbangan dan kerjasama kaum keluarganya sama ada keluarga persanakan atau persemendaan. Menurut adat Murut Tahol, ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab yang mengiringi setiap *pulut* (berian) yang bertukar tangan dalam sesebuah perkahwinan.

Selepas jamuan makan, barulah upacara penyerahan *pulut* (berian) pula diadakan. Pada masa ini *apahalal* yang mengetuai rombongan pihak lelaki menjadi juru bicara bagi pihak lelaki bagi menyempurnakan tujuan kedatangan mereka. Manakala bagi pihak perempuan pula, wakil mereka yang terdiri dari *orang tua* akan memeriksa barangan yang dibawa serta memastikannya agar ia sama dengan *sinaging* (senarai berian) sebagaimana yang diminta.

Oleh sebab adat Murut Tahol tidak menetapkan tempoh masa tertentu untuk menghabiskan bayaran berian, justeru ada antara mereka yang membuat upacara *tinauh* ketika usia yang lanjut serta telah pun mempunyai cucu yang ramai. Kajian menunjukkan bahawa, lazimnya masyarakat Murut Tahol akan berusaha sedaya upaya untuk mengamalkan adat ini dan memastikan agar generasi muda juga akan turut mengamalkannya. Mereka percaya semakin banyak belanja yang dikeluarkan untuk upacara ini, maka semakin erat hubungan kekeluargaan antara mereka. Amalan budaya *tinauh* inilah yang menjadikan masyarakat Murut begitu sinonim dengan “berian sampai mati”.

AMPARAWAK RA VIVIT (Mencuci Benih Padi)

Mengikut kepercayaan masyarakat Murut Tahol Sebelum padi ditanam, benihnya perlu dibersihkan dahulu daripada unsur-unsur yang boleh menjauhkannya daripada Aru' Kauli (semangat padi) dengan menjalankan upacara *amparawak ra vivit*. *Lumahon* (dukun) yang menjalankan upacara ini memulakannya dengan menabur sebahagian daripada benih padi yang sudah direnjis air dengan menggunakan daun serai ke dalam lubang yang telah disediakan. Selepas itu, dia membuat *tatapu* iaitu dengan menggali tujuh lubang yang mengelilingi sebatang buluh sederhana besar yang dipacakkan di tengah-tengah ladang berhampiran dengan *vuyung* (bekas padi) benih padi. Di setiap lubang itu pula di tanam dengan serai (*Cymbopogon citrates*), *simpahuhuna* (keladi hutan, *Caladium Sp*), *tanaian* (keladi tikus, *Typhonium Flagelliforme*), *lolondom*

(senduduk, *Melastoma malabatricum*), *tambiah* (setawar, *kalanchKe pinnata*) dan *pupolor* (tumbuhan seperti daun bawang); manakala buluh tersebut diisi dengan air yang diambil dari kawasan yang berpusar. Selepas tiga hari upacara *amparawak ra vivit* dilakukan, barulah padi boleh ditanam.

Upacara *amparawak ra vivit* ini dilakukan dengan tujuan untuk memanggil Aru' Kauli (semangat padi) datang ke ladang agar padi yang ditanam mengeluarkan hasil yang baik. Setiap tumbuhan yang digunakan dalam upacara ini mempunyai simbol dan signifikan yang tersendiri. Masyarakat Murut Tahol mempercayai bahawa sifat-sifat semula jadi yang dimiliki oleh tumbuhan tersebut akan mempengaruhi sifat-sifat pokok padi yang ditanam dan dapat menyuburkan Aru' Kauli (semangat padi).

Sifat serai (*Cymbopogon citrates*) yang mudah membiak dipercayai dapat membiakkan semangat padi. *Simpahuhuna* (keladi hutan, *Caladium Sp*), pula mempunyai sifat menyembuhkan dan memulihkan, dipercayai dapat membantu Aru' Kauli (semangat padi) memulihkan dirinya apabila diganggu atau disakiti. Pokok *tambiah* (setawar, *kalanchKe pinnata*) bersifat memberikan kekuatan serta kehidupan dipercayai dapat membantu semangat padi untuk meneruskan kelangsungan hidupnya serta tidak mati dalam apa jua keadaan sekali pun. Manakala pokok *lolondom* (senduduk) yang merimbun pula mempunyai sifat subur dipercayai dapat membantu menyuburkan semangat padi agar sentiasa merimbun. Kesemua elemen ini mempunyai kaitan dengan alam dan sifat semula jadinya yang dikaitkan dengan kepercayaan animisme yang dipegang. Jika kesemua semangat yang ada pada semua tumbuhan tersebut dapat di satukan maka ianya dapat mewujudkan semangat padi yang subur, membiak, tahan dan mampu menjaga dirinya sendiri daripada ancaman musuh. Sifat serta kekuatan sedemikian amatlah diperlukan bagi memastikan agar padi yang ditanam mudah hidup dan membiak, tahan penyakit dan serangan haiwan serta berisi bagi mendapatkan hasil yang baik. Jika upacara *amparawak ra vivit* tidak dijalankan, maka padi yang ditanam dipercayai tidak akan menjadi.

Contoh-contoh adat yang dibincangkan itu merupakan sebahagian daripada amalan dan budaya masyarakat Murut Tahol yang berteraskan kepada semangat. Segala tingkah laku tersebut merupakan sesuatu yang dipelajari dan diamalkan sehingga menjadi adat istiadat dan tata cara dalam kehidupan mereka (Lucy Mair 1991:8). Adat dan budaya yang diamalkan oleh masyarakat Murut Tahol

menunjukkan bahawa kepercayaan mereka kepada semangat begitu kuat. Kepatuhan mereka kepada adat adalah didorong oleh kepercayaan yang berkaitan dengan pengaruh semangat dalam kehidupan mereka.

Bagi masyarakat Murut Tahol, adat dan budaya warisan nenek moyang itu perlu diteruskan demi kedamaian, kesejahteraan dan kebahagiaan hidup mereka. Sekiranya amalan adat itu dilanggar, ia dipercayai akan mengundang kemarahan semangat dan mereka akan ditimpa bencana dan mala petaka. Oleh sebab itu, mereka akan terus patuh kepada adat bagi mendapatkan jaminan keselamatan dan kemakmuran dalam menjalani kehidupan.

PERUBAHAN AGAMA MASYARAKAT MURUT TAHOL

Masyarakat Murut Tahol mula didekati oleh mubaligh Kristian dari Indonesia sejak tahun 1930 lagi. Namun mereka telah menolak dengan tindak balas yang agak keras. Oleh sebab itu, atas faktor keselamatan maka para mubaligh telah keluar dari kawasan penempatan Murut Tahol. Pada tahun 1937, mubaligh dari BEM pula telah datang kepada mereka atas maksud yang sama namun usaha mereka juga menemui kegagalan (Lees 2006:104).

Selepas itu tidak ada lagi mubaligh yang dihantar ke kawasan Murut Tahol. Sebaliknya para mubaligh lebih menumpukan urusan dakwah kepada masyarakat Lun Bawang yang menerima baik kehadiran mereka. Namun demikian suatu yang di luar jangkaan telah berlaku di mana, seramai 50 orang Murut Tahol dari Maligan telah datang ke tamu besar di Sipitang dan berjumpa dengan Alan Belcher serta memintanya mengajarkan mereka tentang Alkitab pada tahun 1950. Mereka mendesak agar seorang mubaligh dihantarkan kepada mereka dengan segera. Keterbukaan mereka untuk menerima Kristian bermula apabila mereka melihat perubahan positif yang berlaku kepada masyarakat Kristian Lun Bawang yang tinggal berdekatan (Lees 2006:104).

Agama Kristian telah berkembang dan diterima dengan baik oleh masyarakat Murut Tahol dari Maligan hingga ke Tomani. Pada 1954, nyanyian kerohanian gereja dalam bahasa Murut Tahol telah mula ditulis bagi memenuhi keperluan masyarakat di sana. Komitmen yang diberikan oleh masyarakat Murut Tahol telah berjaya melahirkan satu lagi masyarakat Kristian yang mempunyai komitmen yang tinggi. Mereka menunjukkan perubahan yang menggalakkan (Lees 1964:60).

Perubahan agama yang berlaku bukanlah satu perkara yang boleh dianggap kecil atau ringan sama ada bagi individu atau masyarakat yang terlibat. Hal ini kerana perubahan agama bukan sahaja melibatkan perubahan dalam sistem kepercayaan individu malah turut memberi kesan kepada amalan hidup seharian dan persepsi mereka terhadap kehidupan. Sifat perubahan itu pula sangat bergantung kepada tahap kefahaman mereka terhadap agama yang baru dianuti. Semakin mendalam penghayatan mereka kepada agama tersebut, maka semakin jauhlah amalan-amalan agama lama itu mereka tinggalkan (Hasan Mat Nor 2001).

Selepas menganut agama Kristian mereka tidak lagi dibelenggu oleh *kinaruroa* (semangat) kerana kepatuhan mereka telah bertukar kepada Jesus Kristus (Lees 1964:60). Namun persoalannya, bagaimanakah adat-adat yang diamalkan seperti perkahwinan dan mencuci benih padi masih boleh bertahan hingga hari ini sedangkan mereka telah memeluk agama Kristian yang tidak lagi berpaksikan kepada semangat?

PENYESUAIAN BUDAYA

Berdasarkan kajian di lapangan menerusi temu bual mendalam dan pemerhatian ikut serta yang dijalankan, kajian mendapati bahawa masyarakat Murut Tahol telah melakukan beberapa penyesuaian kepada adat dan budaya yang diamalkan agar sesuai dengan ajaran Kristian yang menjadi anutan mereka sekarang. Perubahan yang paling ketara adalah yang berkaitan dengan ikatan perkahwinan itu sendiri. Hal ini kerana perkahwinan yang dimeterai adalah atas nama Jesus Kristus. Manakala adat lain yang tidak bertentangan dengan ajaran Kristian masih diteruskan.

Kini upacara perkahwinan yang dijalankan mengikut tatacara agama Kristian dan disempurnakan oleh pastor. Perkara ini menunjukkan keyakinan dan ketaatan mereka kepada agama Kristian. Pihak keluarga pengantin, masyarakat kampung dan *Ulu Antung* sama-sama mengiktiraf peranan pastor sebagai orang yang paling layak untuk melaksanakan upacara perkahwinan. Mereka percaya dengan cara ini restu dan keberkatan daripada Jesus Kristus akan datang kepada mereka. Manakala *orang tua* pula menjalankan peranannya sebagai wakil kepada anak buah masing-masing sama ada untuk pihak lelaki atau perempuan.

Daripada segi adat perkahwinan, masyarakat Murut Tahol masih lagi mengamalkan cara tradisi

bermula dengan *pamalaan* (merisik), *antamung* (bertunang) dan *ahuot* (berkahwin). Cuma, pada masa sekarang kita dapat melihat pihak gereja memainkan peranan yang besar dalam adat yang diamalkan. Dalam upacara pertunangan contohnya, pastor secara langsung telah diberikan peranan mewakili pihak Mahkamah Anak Negeri untuk memeterai perjanjian kedua-dua pihak. Antara maklumat yang terkandung dalam surat perjanjian tersebut ialah tentang jumlah berian yang dijanjikan, berian yang telah dibayar, berian yang belum dibayar, persetujuan kedua bakal pengantin, persetujuan keluarga dan disaksikan oleh ketua kampung.

Selain itu, pastor juga diberikan penghormatan untuk menyampaikan nasihat kedua-dua pasangan yang bertunang. Sedangkan dahulu hanya *Ulu Antung* sahaja yang diberikan peranan demikian dalam upacara adat. Nasihat yang diberikan juga menekankan soal memelihara agama dengan mematuhi batasan pergaulan yang telah ditetapkan oleh ajaran Kristian. Mereka diingatkan agar menjaga tingkah laku mereka serta mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang boleh menimbulkan fitnah seperti duduk berdua-duaan atau berjalan berpegangan tangan. Kemudiannya, upacara pertunangan ini ditutup dengan bacaan doa yang dipimpin oleh pastor.

Selepas menganut agama Kristian, penghargaan masyarakat Murut Tahol ke atas barangan lama yang dijadikan berian seperti gong dan tajau tidak lagi menjurus kepada aspek spiritualnya tetapi lebih kepada nilai ekonominya. Sedangkan pada masa dahulu, semasa mereka masih berpegang kepada animisme, nilai barangan tersebut bukan hanya terletak pada aspek materialnya tetapi juga pada aspek spiritualnya. Menurut mereka, semangat yang ada pada gong dan tajau dapat membantu mereka untuk mencapai sesuatu yang dikehendaki. Dalam upacara pertunangan misalnya, hajat untuk mendirikan rumahtangga akan lebih mudah dicapai dengan bantuan *kinaruroa*. Justeru mereka menganggap gong dan tajau lama adalah penting untuk dijadikan sebagai berian.

Pada masa sekarang, amalan menjadikan gong dan tajau lama sebagai berian masih lagi diamalkan, namun kepercayaan tentang aspek spiritual yang terkandung di dalamnya sudah tidak lagi dijadikan pegangan. Menurut pastor Yusof, perkara yang menyalahi prinsip agama ialah aspek spiritual pada gong dan tajau. Sekiranya kepercayaan sedemikian tidak lagi menjadi pegangan, maka tidak ada salahnya masyarakat Murut Tahol meneruskan

amalan tradisional dengan menjadikan gong dan tajau sebagai berian. Oleh sebab itu, pihak gereja (SIB) tidak pernah menghalang masyarakat di sini meneruskan adat tersebut. Gereja dilihat bersifat terbuka serta memberi ruang bagi meneruskan adat tradisi yang mereka warisi. Hal sedemikian menjadi faktor keakraban hubungan antara institusi gereja dan masyarakat setempat. Sekiranya terdapat pandangan atau cadangan untuk memperbaiki kehidupan masyarakat, pihak gereja akan mengemukakan secara yang berhikmah.

Kajian di Kampung Alutok menunjukkan kebudayaan tradisional yang mereka warisi telah disesuaikan dengan sistem kepercayaan mereka sekarang. Dalam adat perkahwinan misalnya, perkahwinan yang dimeterai adalah atas nama Jesus Kristus. Namun demikian, adat lain yang tidak bertentangan dengan ajaran Kristian masih lagi diamalkan.

Manakala upacara *amparawak ra vivit* yang bertujuan untuk membersihkan benih padi, telah digantikan dengan upacara pemberkatan bibit padi. Ianya bertujuan untuk memohon restu Jesus Kristus agar benih padi untuk musim akan datang dapat mengeluarkan hasil yang baik. Upacara ini dilakukan serentak dengan upacara perpuluhan, di mana mereka memberikan 1/10 daripada hasil padi musim yang lalu kepada gereja. Pada hari tersebut, upacara dimulakan dengan doa pembukaan, diikuti dengan doa pujian dan penyembahan, bacaan khutbah, doa perpuluhan (pengucapan syukur), doa pemberkatan bibit padi dan diakhiri dengan doa penutup.

Doa perpuluhan:

“Akai anginsuat ra along mu ramoh, ra salangoi ru orou tu, am sulu ra akai akalap berkat intor ra tuhan” Amin.

Maksudnya:

“Kami mengucapkan syukur atas pertolongan Tuhan dalam pekerjaan sepanjang hari/ tiap hari sampai pada hari ini kami dapat memberi satu persepuluh yang terbaik untuk tuhan”.

Doa pemberkatan bibit padi:

“Tuhan akai sembahyang ra susunu kitu hulin ra saumi umo. Am berkat mu tuhan susunu kitu. Kitu sino kinawa onsoi”.

Maksudnya:

“Tuhan kami mahu berdoa khusus untuk bibit padi ini supaya ia dapat ditanam kembali dan tumbuh dengan baik”.

Dengan adanya upacara pemberkatan bibit padi, sekurang-kurangnya ia dapat memberikan sokongan moral dan spiritual kepada mereka dan membantu untuk mengatasi tekanan yang mereka hadapi. Dalam doa yang dibacakan jelas menunjukkan pengharapan mereka agar padi yang ditanam dapat hidup sempurna dan mengeluarkan hasil yang baik. Mereka menanam keyakinan dalam diri mereka bahawa Tuhan Jesus Kristus sentiasa bersama mereka dan tidak akan menghampakan harapan mereka. Dengan lain perkataan upacara ini dapat membantu masyarakat di sini bagi meningkatkan keyakinan diri dalam menempuh musim baru yang akan datang. Menurut pastor Yusof, "Bagi masyarakat di sini, upacara pemberkatan bibit padi memang penting. Sekurang-kurangnya mereka lebih yakin untuk memulakan musim baru menanam padi".

PENUTUP

Sebagai satu kesimpulan, bolehlah dinyatakan di sini bahawa agama dan budaya tidak dapat dipisahkan dan perlu berjalan seiringan. Hal ini kerana agama membentuk kosmologi dan pemikiran masyarakat yang asas kepada amalan adat dan budaya masyarakatnya. Sebarang perubahan yang berlaku kepada pegangan agama akan mempengaruhi amalan adat dan budaya masyarakatnya. Dalam konteks masyarakat Murut Tahol, amalan adat dan budaya tradisionalnya telah disesuaikan dengan ajaran agama Kristian agar ia dapat diteruskan dalam kerangka sistem kepercayaan yang baharu.

Berdasarkan pengalaman masyarakat Murut Tahol, kelangsungan budaya tradisional masyarakatnya turut disumbangkan oleh sifat toleren agama Kristian itu sendiri yang memberi ruang amalan adat dan budaya tradisi untuk diamalkan dengan penyesuaian yang tertentu. Bagi adat pemberkatan benih padi, gereja bukan sahaja telah memberi ruang agar amalan tersebut diteruskan, bahkan mengepalai upacara tersebut. Keupayaan masyarakat Murut Tahol membuat refleksi terhadap perubahan agama yang dianuti masyarakatnya boleh dilihat sebagai langkah penting ke arah kelangsungan kebudayaannya. Mereka cukup kreatif dalam menghidupkan amalan budaya tradisional dalam kerangka yang baharu sesuai dengan agama yang dianuti dan budaya masyarakatnya. Sebahagian daripada amalan budaya tradisi telah diberikan pengertian yang baharu dan diamalkan menurut agama yang baharu.

RUJUKAN

- Buletin Perangkaan Bulanan Sabah. 2010. Kota Kinabalu: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Bustanuddin Agus. 2005. *Agama dalam Kehidupan Manusia*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- C. Wright Mills & Hans Gerth. 1964. *Character & Social Structure*. USA: Mariner books.
- Harris, Annette Suzanne. 1990. The Tagal Murut. Dalam Sherwood (ed.). *Social Organization of Sabah Societies*. Kota Kinabalu: Sabah Museum.
- Harris, Annette Suzanne. 1995. The Impact of Christianity on Power Relationships and Social Exchanges: A Case Study of Change Among the Tagal Murut. Sabah. Malaysia. Doctoral dissertation. School of Intercultural Studies. Biola University. Michigan: UMI Dissertation Service.
- Harrison, Tom. 1967. Ethnological Notes on The Muruts of Sapulut River, Sabah. *Journal of the Malayan Branch, Royal Asiatic Society* 40 (1): 111- 129.
- Hasan Mat Nor. 2001. *Salib dalam Komuniti Pinggiran*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Inkeles, Alex. 1985. Terjemahan Cheu Hock Tong. *Apa itu Sosiologi?* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lees, Shirley. 1964. *Jungle Fire*, Oliphants.
- Lees, Shirley. 2006. *Drunk Before Dawn*. Kuala Lumpur: Sama Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mair, Lucy 1989. Terjemahan Azemi Salim. *Antropologi Sosial Permulaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Moore, Wilbert. 1986. Terjemahan Cheu Hock Tong. *Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Paul Porodong. 1999. Perubahan Sosial Masyarakat Rungus Pada Zaman Kolonial. *Jurnal Manusia dan Masyarakat* 11: 135-159.
- Paul Porodong. 2004. The Impact of Colonialism on the Indigenous Society in Sabah: A Case Study in Kudat District of Sabah. Dalam Mohd Sarim Hj. Mustajab. *Warisan Budaya Sabah: Etnisiti dan Masyarakat*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Poline Bala. 2009. An Engagement with "Modernity" Becoming Christian in The Kelabit. Highlands of Central Borneo. Dalam (ed.) Sather Clifford. *Borneo Research Bulletin*. United States: Borneo Research Council, Inc. 40: 173-185.
- Rutter, Owen. 1922. *The Pagans of North Borneo*. London: Hutchinson & Co.
- Spitzack, John. A (ed.). 1984. The Murutic Language Family. *Languages of Sabah: A Survey Report*. Australia: The Australian National University.
- Tregonning, K.G. 1965. *A History of Modern Sabah*. Singapore: University Of Malaya Press.

INFORMAN

- Andreas Antahai, 28 tahun, Kg Alutok, Ulu Tomani.
- Antikoh Lituan, 63 tahun, Kg Masanoi, Tenom.
- Fatimah Ismail, 50 tahun, (K.A.N) Hakim Mahkamah Anak Negeri, Tenom.
- Jamil Ansukuk, 46 tahun, Kemabong.
- Lokowon Antahai, 57 tahun, Kg Alutok, Ulu Tomani.
- Pastor Yusof, 45 tahun, Kg. Alutok, Ulu Tomani.

Abd Hakim Mohad (Ph.D)
Universiti Malaysia Sabah
E-mel: abdhakim@ums.edu.my

Ros Aiza Mohd Mokhtar (Ph.D)
Universiti Malaysia Sabah
E-mel: rosaiza@ums.edu.my

Diserahkan: 6 Januari 2017
Diterima: 12 April 2017